

**LAPORAN TAHUNAN 2017
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA**


INTEGRITI
PROFESIONALISME
SETIA
UTAMAKAN PELANGGAN
KERJA BERPASUKAN

KANDUNGAN

1	Pelan Strategik
3	Visi
3	Misi
5	Teras Utama
7	5 Nilai Bersama Organisasi
9	Prinsip Bandar Raya Peneraju, Dinamik dan Lestari
10	Kawasan Pentadbiran MBPJ
11	Ahli Majlis
13	Ketua Jabatan
15	Anugerah dan Pengiktirafan MBPJ
17	Perutusan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Petaling Jaya 2017
19	Jabatan Khidmat Pengurusan
33	Jabatan Perbendaharaan
49	Jabatan Perancangan Pembangunan
69	Jabatan Kejuruteraan
161	Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekitaran
195	Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
219	Jabatan Kawalan Bangunan
231	Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan
265	Jabatan Penguatkuasaan
279	Jabatan Landskap
291	Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
329	Unit Teknologi Maklumat
347	Unit Komunikasi Korporat
371	Unit Perundangan
385	Unit Audit Dalam dan Integriti
399	Unit Pusat Setempat (OSC)
435	Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB)
441	Penyata Kewangan 2017
495	Aktiviti 2017



PELAN **STRATEGI**





Visi

Petaling Jaya Bandar Raya Peneraju,
Dinamik dan Lestari

MISI

Menyediakan
kemudahan dan
perkhidmatan yang
berkualiti demi
kesejahteraan Petaling
Jaya





TERAS UTAMA

Masyarakat

Penumpuan kepada pembentukan persekitaran yang kondusif ke arah kehidupan serba berkualiti kepada warga Petaling Jaya. Perluasan kualiti kehidupan masyarakat dari pelbagai aspek fizikal, sosial dan psikologikal bagi mempertingkatkan pembangunan insaniah, keilmuan, kecergasan mental dan fizikal serta memartabatkan seni dan budaya.



Alam Sekitar

Penumpuan kepada metropolis yang mengutamakan pengurangan karbon dan pemuliharaan bio-diversiti, tenaga dan sumber, jaringan kota dan perancangan tebus guna tanah ke arah kelestarian alam sekitar.



Ekonomi

Penumpuan kepada pengukuhan kewangan MBPJ dan menjana sosio-ekonomi masyarakat Petaling Jaya berasaskan nilai-nilai keterangkuman, keadilan sosial dan kesaksamaan.



Tadbir Urus

Penumpuan kepada pemantapan elemen intelektual meliputi aspek modal insan, struktural, klien dan relational organisasi ke arah penyampaian perkhidmatan yang telus, imej korporat yang lebih kukuh, berakauntabiliti dan mesra rakyat dengan keberkesanan perundangan serta penguatkuasaan polisi termasuk pengurusan persepsi dan risiko demi memacu pertumbuhan kota raya yang bersifat mampan, pintar dan berdaya tahan.



5 NILAI BERSAMA ORGANISASI

Integriti **1**

Menitikberatkan elemen kepantasan bekerja, ketelusan, akauntabiliti, keadilan, kecekapan dan mementingkan keberkesanan setiap hasil kerja berasaskan etika kerja cemerlang dan tingkah laku beramanah ketika berkhidmat.



Profesionalisme **2**

Memperkasa dan melengkapkan diri melalui penguasaan ilmu pengetahuan, kemahiran dan kepakaran yang menyumbang kepada persaingan idea di peringkat global dalam menghasilkan perkhidmatan yang berprestasi tinggi.





3

Setia

Patuh, tidak melakukan sesuatu yang boleh merosakkan atau menjatuhkan imej organisasi.



4

Kerja Berpasukan

Mengoptimumkan perkongsian pengetahuan dan pengalaman, maklumat, sumber dan kemudahan serta membudayakan amalan *seamless* dan kesepakatan dalam melaksanakan tugas harian.



5

Utamakan Pelanggan

Melaksanakan tugas dengan penuh komitmen dan komited dalam memastikan urusan yang berkesan dan membuahkan kejayaan yang gemilang.

PRINSIP BANDAR RAYA PENERAJU, DINAMIK DAN LESTARI

Pembangunan Sosial

- Pembangunan sosial merangkumi prinsip kesaksamaan sosial, kesejahteraan sosial dan penglibatan penduduk dalam menentukan masyarakat yang sihat dan hidup berkualiti.
- Menyediakan perkhidmatan dan kemudahan sosial kepada masyarakat tanpa diskriminasi serta fokus kepada golongan miskin, terpinggir dan golongan tidak bernasib baik.

Perkembangan Ekonomi

- Perkembangan ekonomi merujuk kepada pembangunan ekonomi bandar yang positif dan meliputi faktor penawaran pelbagai jenis pekerjaan, tenaga kerja berkemahiran, berdaya saing dan peningkatan pelaburan.

Alam Sekitar Mampan

- Alam sekitar mampan merangkumi prinsip keseimbangan alam sekitar dan integrasi keperluan penjagaan alam sekitar dalam aktiviti sosial dan ekonomi bandar.
- Menggalakkan pemeliharaan tenaga dan sumber, kitar semula bahan buangan organik dan bukan organik serta menggalakkan penggunaan kenderaan awam, meningkatkan telekomunikasi, memelihara kawasan hijau, guna semula air dan mengawal pencemaran dan toksin dalam bandar.

Good Governance

- “Good Governance” merujuk kepada sistem pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan dalam fungsinya sebagai sebuah institusi yang demokrasi, melaksanakan dasar awam dan memberikan perkhidmatan kepada orang awam.


Pembangunan Bandar

- Pembangunan bandar fokus kepada aspek sosial, fizikal dan infrastruktur dalam meningkatkan kualiti hidup dan persekitaran bandar.

Penyertaan Awam

- Penyertaan awam di dalam proses perancangan dan pembangunan bandar dipertingkatkan.

KAWASAN PENTADBIRAN MBPJ



AHLI MAJLIS



Dari Kiri

En. Suriase A/L Gengiah (**Zon 1**), En. Tang Fuie Koh (**Zon 2**), En. Shatiri Bin Mansor (**Zon 3**), Pn. Wong Yuet Leng (**Zon 4**), En. Ang Ming Ern (**Zon 5**), Pn. Sia Siew Chin (**Zon 6**), En. Daniel Lee Marn Zhi (**Zon 7**), En. Wong Swee Sang (**Zon 8**), Cik Jamaliah Binti Jamaluddin (**Zon 9**), Pn. Elaine Magdaline Nathaniel (**Zon 10**), Cik Lim Yi Wei (**Zon 11**), En. Derek John Fernandez (**Zon 12**)

Bandar Raya Peneraju, Dinamik dan Lestari



Dari Kiri

En. Ong Swee Long (**Zon 13**), En. Sugumaran A/L Annamalai (**Zon 14**), Pn. Ermeemarianna Binti Saadon (**Zon 15**), En. Terence Tan Teck Seng (**Zon 16**), En. Ahmad Akhir Bin Pawan Chik (**Zon 17**), En. Ariffin Bin Mahaiyuddin (**Zon 18**), Pn. Ghandimathi A/P Suppiah (**Zon 19**), En. Oon Chong Ling (**Zon 20**), Tn. Hj. Mohd Ghazali Bin Daud (**Zon 21**), En. Azizi Bin Ariffin (**Zon 22**), En. Azri Bin Mohamad Arish (**Zon 23**), En. Halimey Bin Abu Bakar (**Zon 24**)

KETUA JABATAN



Dari Kiri

Cik Nor Shabani Binti Johari (**Pengarah Pesuruhjaya Bangunan COB**), Pn. Hairulliza Binti Abdul Rahman (**Pengarah Pusat Setempat OSC**), Pn. Norzita Binti Mokhtar (**Pengarah Perundangan**), Pn. Hj. Norlida Binti Mohd Isa (**Pengarah Audit Dalam Dan Integriti**), Pn. Haniza Binti Abdul Hamid (**Pengarah Komunikasi Korporat**), En. Samsul Bahari Bin Nonchi (**Pengarah Teknologi Maklumat**), En. Aznan Bin Hj. Hassan (**Pengarah Pembangunan Kemasyarakatan**), Tn. Ir. Ismail Bin Shafie (**Pengarah Kejuruteraan**), Pn. Hj. Sa'diyah Binti Khasiman (**Pengarah Perbendaharaan**), Tn. Johary Bin Anuar (**Timbalan Datuk Bandar**),

Bandar Raya Peneraju, Dinamik dan Lestari



Dari Kiri

YBhg. Dato' Mohd Azizi Bin Mohd Zain (**Datuk Bandar**), Tn. Hj. Ahmat Mohaayen Bin Hj. Said (**Pengarah Khidmat Pengurusan/ Timbalan Setiausaha**), Pn. Hjh. Sharipah Marhaini Binti Syed Ali (**Pengarah Perancangan Pembangunan**), YBhg. Datin Sr. Amreeta Kaur A/P Pretham Singh (**Pengarah Penilaian Dan Pengurusan Harta**), Pn. Hamidah Binti Hj. Ariffin (**Pengarah Kawalan Bangunan**), Pn. Zuraidah Binti Sainan (**Pengarah Landskap**), En. Mohd Fauzi Bin Maarop (**Pengarah Penguatkuasa**), Pn. Hjh. Sharinaz Binti Hj. Samsudin (**Pengarah Pelesenan**), Pn. Dr. Chitradavi A/P Vadivellu (**Pengarah Perkhidmatan Kesihatan dan Persekitaran**), En. Lee Lih Shyan (**Pengarah Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam**)

ANUGERAH & PENGIKTIRAFAN MBPJ

BIL	ANUGERAH
1	Johan Kategori Inovasi Sosial (Penciptaan) Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor Tahun 2017
2	Anugerah Khas Projek Inovasi Hibrid Terbaik di Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor (MPIPANS) 2017
3	Anugerah Pihak Berkuasa Tempatan Prihatin Majlis Bandaraya Sempena Bulan Kebajikan Negara 2017
4	Tempat Pertama Kategori B Pertandingan Medan Selera Bersih, Selamat dan Sihat 2017 sempena Majlis Anugerah Medan Selera Bersih, Selamat dan Sihat 2017 dan Pengiktirafan Program Jaminan Keselamatan Makanan Peringkat Negeri Selangor
5	Tempat Kedua Kategori A Pertandingan Medan Selera Bersih, Selamat dan Sihat 2017 sempena Majlis Anugerah Medan Selera Bersih, Selamat dan Sihat 2017 dan Pengiktirafan Program Jaminan Keselamatan Makanan Peringkat Negeri Selangor
6	Tempat Ketiga Kategori A Pertandingan Medan Selera Bersih, Selamat dan Sihat 2017 sempena Majlis Anugerah Medan Selera Bersih, Selamat dan Sihat 2017 dan Pengiktirafan Program Jaminan Keselamatan Makanan Peringkat Negeri Selangor
7	Occupational Health and Safety Management Systems (OHSAS) 18001:2007 Skop Pensijilan Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan Merangkumi Kerja-kerja Infrastruktur, Pembinaan, Landskap, Pembangunan dan Reka Bentuk
8	Malaysia Landscape Architects Awards (MLAA) Honour Award Professional Category Landscape Analysis & Study Award, The Living Colony: Revitalisation of Sungai Kayu Ara
9	Malaysia Landscape Architects Awards (MLAA) Merit Award Professional Category Landscape Analysis & Study Award, Laman Majlis Bandaraya Petaling Jaya
10	MIP – Think City MyPlace Awards 2017 – Winner In The Category of Best Community & Neighbourhood Park For PJKita – iPlay Park
11	MIP – Think City MyPlace Awards 2017 – Special Merit In The Category of Best Street For Livable City @ City Centre of Section 52, Petaling Jaya
12	MIP – Think City MyPlace Awards 2017 – Winner In The Category of Best Community & Neighbourhood Park For PJKita – iPlay Park
13	"Most Number of Free Shuttle Bus Services Provided By Local Authority" oleh Malaysia Book of Record

BIL	ANUGERAH
14	Audit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) bagi Sektor Awam (Pihak Berkuasa Tempatan) 2017 dan Memperolehi Gred Cemerlang
15	Anugerah Khas Inisiatif Pelaksanaan Kerangka Kerja Bandar Rendah Karbon Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor Sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia Peringkat Negeri Selangor



PERUTUSAN DATUK BANDAR MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA 2017

Assalamualaikum dan salam muhibah.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya diamanahkan mandat dan tanggungjawab untuk menjaga kepentingan dan keperluan rakyat di keseluruhan Bandar raya Petaling Jaya di Negeri Selangor.

Tugas yang dipikul ini merupakan satu kebanggaan bagi setiap anggota di Majlis, daripada Datuk Bandar hinggalah ke pegawai dan pekerja di setiap tahap pentadbiran. Bersama-sama berganding bahu, usaha pasukan ini berteraskan prinsip-prinsip murni yang diamalkan dan ditegakkan sebagai piagam MBPJ.

Dalam menjalankan tugas harian MBPJ, sifat-sifat bertanggungjawab, ketelusan dan integriti menjadi petunjuk dan pembimbing bagi setiap keputusan yang diambil, setiap polisi yang diimplimentasi dan setiap aktiviti yang dilaksanakan. Pada penghujungnya, setiap langkah yang diambil oleh MBPJ terarah kepada satu matlamat yang utama iaitu memastikan Petaling Jaya yang berada di bawah jagaan MBPJ ini, dibangunkan sebagai bandar yang unggul dan maju.

Sebagai salah sebuah bandar di Negeri Selangor yang masyhur dan moden ini, nama Petaling Jaya terus harum dengan pembangunan dan pelbagai kemudahan yang dilengkapi MBPJ bagi kemudahan dan keselesaan rakyat.

Rangka dan skop kerja-kerja yang dijalankan merangkumi perkhidmatan awam, memperbaiki dan meningkatkan taraf kehidupan harian, pembangunan hijau, kerja-kerja pentadbiran dan perancangan dan juga mengeratkan hubungan komuniti yang berbagai-bagai kewarganegaraan, bangsa dan agama

serta pelbagai usaha yang lain. Sehubungan itu, kalendar tahunan MBPJ dipenuhi aktiviti dan perancangan yang terbaru dan berterusan untuk kebaikan rakyat Petaling Jaya.

Di samping menjalankan kerja-kerja semasa, MBPJ sedar bahawa pembangunan dan perubahan sedunia, membawa kepada masa depan yang lebih mencabar serta peningkatan keperluan dan permintaan penduduk.

MBPJ bertekad memenuhi tanggungjawabnya dengan sepenuh-penuh tumpuan dan komitmen sambil memegang teguh kepada visi, wawasan dan pemikiran yang terkedepan untuk membawa Petaling Jaya ke tahap yang lebih tinggi sebagai bandar raya yang cemerlang dan bertaraf antarabangsa.

Dato' Mohd Azizi Bin Mohd Zain


A.M.N., A.M.S.

Datuk Bandar Petaling Jaya






JABATAN K
PENGURU



KHIDMAT
SAN

PENTADBIRAN AM

Kes Saman Mahkamah Munisipal 2017



URUSETIA

Senarai Mesyuarat Jawatankuasa Bagi Tahun 2017/2018

BIL	PERKARA	KEKERAPAN	KEAHLIAN
1	Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)	22	5
2	Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Penasihat Lalulintas	11	12
3	Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan	11	12
4	Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan dan Kesihatan	11	12
5	Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar	11	12
6	Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan, Perkhidmatan Korporat dan Teknologi Maklumat	9	12
7	Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Bandar	11	12
8	Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat	4	5
9	Mesyuarat Jawatankuasa Pihak Berkuasa Melantik	5	3
10	Mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Tatatertib	5	2
11	Mesyuarat Jawatankuasa Tender dan Sebutharga	30	4

23

PEJABAT CAWANGAN PJU

Pengenalan

Dibuka secara rasmi pada 11 April 2016.

Tujuan:

Meningkatkan sistem penyampaian dan perkhidmatan yang lebih baik kepada warga Petaling Jaya khususnya penduduk di kawasan Petaling Jaya Utara.

Kewajaran Pejabat Cawangan ini ditubuhkan juga berdasarkan lokasi Ibu Pejabat MBPJ yang agak jauh daripada penduduk di kawasan utara serta kesesakan lalu lintas menjadi kesulitan kepada penduduk.

346,424
JUMLAH
PENDUDUK

131,938
PEGANGAN
HARTA

Bandar Raya Peneraju, Dinamik dan Lestari



Perkhidmatan Kami

Kaunter Bayaran

Menerima bayaran cukai taksiran, cukai tanah, cukai PBT lain, cagaran secara tunai, kad kredit dan cek.

Kaunter Semakan Bil/Permohonan Pertukaran Nama Dan Alamat

Mencetak bil cukai semasa dan menerima permohonan borang pertukaran hakmilik dan alamat surat menyurat serta bayaran cukai taksiran.

Kaunter Semakan Kompaun Kesihatan

Menyemak kompaun kesihatan
Menerima aduan berkenaan Jabatan Kesihatan

Kaunter Rundingan/Aduan Kejuruteraan

Rundingan bersama pegawai berkenaan aduan dan kerja-kerja kejuruteraan.

Kaunter Pengurusan Aduan

Menerima aduan daripada orang awam melalui kaunter, telefon dan e-mel.

Kaunter Permohonan Lesen Perniagaan

Menerima permohonan lesen perniagaan Tred/Penjaja

Kaunter Tempahan

Menerima permohonan tempahan dewan/gelanggang sukan/stadium/balai raya dan lain-lain

Memproses bil cagaran


Kaunter Rundingan/Aduan Landskap

Rundingan bersama pegawai berkenaan aduan dan kerja-kerja landskap.




AKTIVITI PEJABAT CAWANGAN TAHUN 2017


Urusan Kaunter



Jumlah Kutipan Keseluruhan




Jumlah Pertukaran Hakmilik/Alamat Kediaman




● 2017


Aktiviti Penguatkuasaan (Kompaun)



Laporan Aduan




Permohonan Lesen



● 2017


BAHAGIAN BEKALAN DAN PEROLEHAN

Jualan Dokumen Tender/Sebutharga 2017




BAHAGIAN SUMBER MANUSIA

Statistik Kenaikan Pangkat 2017




Statistik Latar Belakang Akademik Warga Kerja MBPJ Tahun 2017




BAHAGIAN SUMBER MANUSIA

Statistik Penempatan Pekerjaan (Lantikan Baru)




Statistik Penempatan Pekerjaan (Pertukaran Jabatan)



Statistik Perjawatan Dan Pengisian Tahun 2017


JAWATAN (KUMPULAN)	TETAP	KONTRAK
Perjawatan (P&P)	66	42
Pengisian (P&P)	60	36
Perjawatan (P&P)	227	195
Pengisian (P&P)	223	193
Perjawatan (P&P)	631	474
Pengisian (P&P)	593	412
Perjawatan (P&P)	410	88
Pengisian (P&P)	382	85

Perjawatan Dan Pengisian Tahun 2017




UNIT LATIHAN DAN KERJAYA


Statistik Prestasi
Pencapaian
*Training Need
Analysis (TNA)*



Statistik Trend Prestasi Warga Kerja




Statistik Trend Prestasi Warga Kerja




Pelan Strategik Pembangunan Modal Insan Kursus Di Majlis Bandaraya Petaling Jaya

BIL	PERKARA	%
1	Pembangunan Pengurusan Organisasi dan Profesional	25
2	Pembangunan Kerjaya	20
3	Pembangunan Sistem Kualiti	15
4	Pembangunan Motivasi dan Teambuilding	10
5	Pembangunan Insan , Nilai Murni dan Dasar-Dasar Kerajaan	10
6	Pembangunan IT Dan Komputer	10
7	Pembangunan Kemahiran dan Teknikal	10



JABATAN **PERBENDA**



AHARAAN

JABATAN PERBENDAHARAAN

Bahagian Hasil

Unit Cukai Taksiran

- Memastikan bil Cukai Taksiran dikeluarkan kepada pemilik.
- Menyelenggara akaun individu Cukai Taksiran.
- Mengemas kini kutipan yang diterima kepada Majlis melalui kaunter Majlis dan lain-lain.
- Menguruskan proses pengeluaran bil, notis dan waran.

Unit Tunggakan Hasil

- Memastikan notis borang E dihantar kepada penunggak/pemilik untuk menjelaskan tunggakan Cukai Taksiran.
- Memastikan urusan penguatkuasaan waran tahanan dan perundangan dilaksanakan dengan lebih efisien untuk mengutip tunggakan Cukai Taksiran.
- Memberi idea terbaru untuk mengutip tunggakan Cukai Taksiran.

Unit Kutipan Hasil/Kaunter

- Menguruskan kaunter kutipan.
- Memastikan semua kutipan diresitkan dan dibankkan.
- Menguruskan pengembalian deposit.

Unit Hasil Lain (Kawal Selia Letak Kereta)

- Memastikan hasil letak kereta dikutip dan diakaun dengan betul.
- Mengawal selia kawasan dan kompleks letak kereta yang telah diswastakan.
- Menguruskan sewa musim tetap petak letak kereta.

Bahagian Perbelanjaan

- Menguruskan pembayaran Majlis bagi memastikan bayaran masih di dalam lingkungan peruntukan Majlis.
- Memproses bayaran emolumen dan lain-lain elaun bagi Kakitangan Majlis.
- Menguruskan penyata kakitangan untuk dikemukakan kepada pihak KWSP, Socso, LHDN, Pencen dan sebagainya.
- Menguruskan proses penyediaan cek dan penggantian cek-cek Majlis yang tidak diterima oleh pembekal/kontraktor.
- Mengemas kini daftar pemiutang Majlis.

Bahagian Kewangan

- Menyediakan penyata kewangan Majlis.
- Menyediakan bajet tahunan Majlis.
- Menguruskan pinjaman kenderaan, perumahan dan komputer kepada kakitangan dan pekerja Majlis.
- Menguruskan pelaburan Majlis.

Bahagian Semakan

- Menguruskan baucar bayaran Majlis berserta dokumen-dokumen sokongan.
- Menguruskan permohonan tuntutan pegawai bagi tuntutan Panjar wang runcit, Elaun Lebih masa, AP58(a) dan AP59.
- Menguruskan penerimaan, penyimpanan dan pengembalian Bon Pelaksanaan Kerja bagi semua kontrak di Majlis.
- Memastikan segala hasil Majlis yang telah dikutip diakaunkan dengan betul dan teratur.

Bahagian Pentadbiran

- Menguruskan hal ehwal pentadbiran Jabatan.
- Latihan untuk Kakitangan.
- Pengurus Rekod cuti Kakitangan.
- Urusetia hal ehwal aset Jabatan.

JABATAN PERBENDAHARAAN

Pencapaian Kutipan Hasil dan Perbelanjaan Majlis Bandaraya Petaling Jaya Bagi Tahun 2017

	Anggaran RM	Sebenar** RM	Peratus %
Hasil	395,086,600	357,567,849	90.50
Perbelanjaan Mengurus	339,604,490	310,639,128	91.47
Perbelanjaan Pembangunan	139,883,960	128,184,353	91.64
Jumlah Perbelanjaan	479,488,450	438,823,481	91.52
Lebihan/(Kurangan)	(84,401,850)	(81,255,632)	

** Data bagi tahun 2017 berdasarkan Penyata Kewangan Majlis

Prestasi Bajet 2017



Prestasi Kutipan Hasil 2017

	Anggaran RM	Sebenar** RM	Peratus %
Hasil Cukai			
Hasil Cukai	249,840,600	235,923,881	94.43
Hasil Bukan Cukai			
Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit	29,754,310	25,324,675	85.11
Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan	27,676,190	23,391,688	84.52
* Perolehan Daripada Jualan Barang-Barang	1,763,500	1,751,841	99.34
* Sewaan	21,445,480	16,055,900	74.87
* Keuntungan & Perolehan Daripada Pelaburan	21,043,420	22,288,339	105.92
Denda dan Kompaun	18,254,800	16,836,996	92.23
Sumbangan dan Pulangan Balik	1,000	658,370	65.837
Jumlah Hasil Bukan Cukai	119,938,700	106,307,809	88.64
Terimaan Bukan Hasil			
Pulangan Balik Perbelanjaan	20,307,300	10,336,159	50.90
Geran Keseimbangan	5,000,000	5,000,000	100.00
Jumlah Terimaan Bukan Hasil	25,307,300	15,336,159	60.60
Jumlah Hasil	395,086,600	357,567,849	90.50

* Hasil letak kereta, Sewaan dan keuntungan & perolehan daripada pelaburan direkod menggunakan asas akruan.

** Data bagi tahun 2017 adalah berdasarkan Penyata Kewangan Beraudit

JABATAN PERBENDAHARAAN

Prestasi Kutipan Hasil Sebenar Berbanding
Anggaran Tahun 2017




Prestasi Perbelanjaan Pembangunan 2017


	Anggaran RM	Sebenar RM	Peratus %
Gaji dan Upah	55,994,740	52,388,152	93.56
Elaun Tetap	23,592,430	20,586,195	87.26
Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan/ Pekerja	10,691,700	9,797,352	91.64
Elaun Lebih Masa	12,023,990	10,350,147	86.08
Faedah Kewangan Yang Lain	10,957,860	10,521,030	96.01
Jumlah Emolumen	113,260,720	103,642,876	91.51
Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup	4,902,370	4,147,927	84.61
Pengangkutan Barang-barang	3,500	3,491	99.74
Perhubungan dan Utiliti	16,182,980	15,792,305	97.59
Sewaan	3,582,430	3,241,545	90.48
Bahan-Bahan Makanan dan Minuman	75,230	71,549	95.11
Bekalan Bahan Mentah dan Bahan Untuk Penyelenggaraan	4,541,350	4,041,102	88.98
Bekalan dan Bahan Lain	10,672,790	9,793,995	91.77
Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil	25,050,560	24,277,005	96.91
Perkhidmatan Ikhtisas dan Hospitaliti	111,009,830	103,968,461	93.66
Jumlah Perkhidmatan dan Bekalan	176,021,040	165,337,380	93.93
Pembelian Aset	19,581,280	19,094,744	97.52
Jumlah Pembelian Aset	19,581,280	19,094,744	97.52
Pemberian Dalam Negeri	650,920	429,136	65.93
Tuntutan/Insurans & Pampasan	215,640	1,300	0.60
Jumlah Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	866,560	430,436	49.67
Bayaran-bayaran Lain	29,874,890	22,133,692	74.09
Jumlah Perbelanjaan Lain	29,874,890	22,133,692	74.09
Jumlah Perbelanjaan Mengurus	339,604,490	310,639,128	91.47
Perkhidmatan & Bekalan	84,541,040	79,565,293	94.11
Pembelian Aset	54,144,920	47,509,242	87.74
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	1,198,000	1,109,818	92.64
Jumlah Perbelanjaan Pembangunan	139,883,960	128,184,353	91.64

JABATAN PERBENDAHARAAN


Agihan Peruntukan Perbelanjaan Tahun 2017




Agihan Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2017



Agihan Perbelanjaan Pembangunan Bagi Tahun 2017



Prestasi Sebenar Perbelanjaan Mengurus Berbanding Anggaran Tahun 2017



JABATAN PERBENDAHARAAN

Prestasi Pelaburan Tunai


Bil.	Tahun	Jumlah Simpanan Tetap pada 31 Dis 2017	Jumlah Simpanan Jangka Pendek pada 31 Dis 2017	Jumlah Keseluruhan pada 31 Dis 2017	Keuntungan Diterima	Peratus Purata Keuntungan Berbanding Wang Pokok
		(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(%)
1.	2013	340,535,095	25,000,000	365,535,095	14,729,881	4.03%
2.	2014	466,795,614	-	466,795,614	18,610,329	3.99%
3.	2015	515,174,835	-	515,174,835	24,665,580	4.79%
4.	2016	509,062,730	-	509,062,730	24,997,836	4.91%
5.	2017	460,982,876	-	460,982,876	22,203,747	4.82%

** Data tahun 2013 hingga 2017 adalah berdasarkan Penyata Kewangan Beraudit.

Jumlah Pelaburan Dan Pulangan Pelaburan Bagi Tahun 2013 Hingga 2017




Rizab Tunai Bersih Bagi Tahun Berakhir 2013 Hingga 2017



** Data tahun 2013 hingga 2017 adalah berdasarkan Penyata Kewangan Beraudit. Pengiraan adalah mengambil kira tunai di bank dan simpanan tetap ditolak dengan pemiutang dan akruan, Wang amanah dan Kumpulan Tabung Amanah.

JABATAN PERBENDAHARAAN

Prestasi Kutipan Tunggakan Cukai Taksiran Bagi Tahun 2013 Hingga 2017



Prestasi Kutipan Hasil Letak Kereta

Bil.	Jenis Kutipan	2013 (RM)	2014 (RM)	2015 (RM)	2016 (RM)	2017 (RM)
1.	Hasil Letak Kereta Kawasan Majlis	1,379,022	1,490,647	1,686,732	1,606,402	6,406,851
2.	Godell Parking*	9,462,504	9,197,039	9,107,813	8,159,650	-
3.	Petak Musim Tetap	1,481,312	1,702,750	1,921,698	2,106,417	2,023,494
4.	Pas Musim (Godell Parking)	384,800	368,500	324,896	294,622	132,925
5.	Kompleks 'A'	933,500	897,067	780,000	777,833	780,000
6.	Kompleks 'C'	136,633	149,000	167,500	183,090	166,301
7.	Kompleks Sek. 14	540,893	542,400	520,291	536,500	545,000
8.	Kompleks Sek. 4	137,617	115,895	132,000	122,171	96,000
Kutipan Letak Kereta		14,456,281	14,463,298	14,640,930	13,786,685	10,150,571


* Pada 21 Jun 2017, Majlis telah menamatkan kontrak penswastaan letak kereta Godell Parking Sdn Bhd dan telah mengambil alih kembali pengurusan kutipan letak kereta di Petaling Jaya. Perincian hasil kutipan letak kereta Majlis bagi tahun 2013 sehingga 2017 adalah seperti berikut :-

Hasil Kutipan Letak Kereta Bagi Kawasan Majlis


Bil.	Jenis Kutipan	2013 (RM)	2014 (RM)	2015 (RM)	2016 (RM)	2017 (RM)
1.	Kawasan Tertutup <i>Offstreet</i>	189,236	188,823	102,902	150,283	157,348
2.	Kutipan Mesin P&D, dan Sistem Kupon	577,488	490,277	550,596	523,579	3,050,572
3.	Kutipan Pas Musim	612,298	691,648	669,290	571,734	2,812,500
4.	Bawah Rentis TNB	-	119,899	363,944	360,806	386,431
Kutipan Letak Kereta		1,379,022	1,490,647	1,686,732	1,606,402	6,406,851

JABATAN PERBENDAHARAAN

Prestasi Kutipan Letak Kereta Bagi Tahun 2013 - 2017



Prestasi Proses Bayaran Dengan Kaedah EFT Dan Cek Bagi Tahun 2017




Prestasi Prosesan Bayaran Majlis Tahun 2017

Bil.	Bulan	Bilangan Baucar Diproses			Kaedah Bayaran (Bilangan Baucar)		
		Kurang 7 Hari	Lebih 7 Hari	Jumlah	EFT	Cek	Jumlah
1.	Januari	3,942	-	3,942	3,777	165	3,942
2.	Februari	1,436	-	1,436	1,235	201	1,436
3.	Mac	2,410	-	2,410	2,094	316	2,410
4.	April	2,273	-	2,273	1,997	276	2,273
5.	Mei	2,347	-	2,347	2,020	327	2,347
6.	Jun	2,748	-	2,748	2,497	251	2,748
7.	Julai	1,815	-	1,815	1,698	117	1,815
8.	Ogos	2,615	-	2,615	2,320	295	2,615
9.	September	2,206	-	2,206	1,979	227	2,206
10.	Oktober	2,257	-	2,257	2,105	152	2,257
11.	November	2,457	-	2,457	2,270	187	2,457
12.	Disember	2,919	-	2,919	2,649	270	2,919
Jumlah		29,425	-	29,425	26,641	2,784	29,425
Peratus (%)		100.00%	-	100.00%	90.54%	9.46%	100.00%



JABATAN PERANCANA PEMBANGUNAN



NGAN
UNAN

BAHAGIAN KAWALAN PEMBANGUNAN

Unit Kebenaran Merancang

1. Memproses permohonan Kebenaran Merancang untuk pertimbangan / kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa OSC.
2. Membuat semakan bagi penyediaan kemudahan OKU di dalam pelan-pelan pembangunan dan memantau pelaksanaan kemudahan OKU dan pematuhan Garis Panduan CPTED.
3. Memproses dan memberi kelulusan terhadap pelan permohonan alamat dan pertukaran alamat.
4. Memberikan ulasan dan teguran terhadap pelan-pelan bangunan dan lesen.
5. Menjadi urus setia bagi Mesyuarat Majlis Bantahan Awam.

Unit Tukar Guna Bangunan

1. Memproses dan memantau permohonan tukar guna bangunan.

Unit Paparan Iklan

1. Memproses penyewaan tapak paparan iklan luaran.
2. Menguatkuasakan undang-undang terhadap paparan iklan haram.

Unit Hubungan Antarabangsa

1. Menyelaras, memberi maklumat dan input di dalam penyediaan program-program Majlis dengan Pihak Berkuasa Tempatan luar negara yang sedia ada serta yang mempunyai potensi.
2. Melaksanakan dan menyelaraskan program-program hubungan antarabangsa bersama PBT luar negara mengikut Sasaran Kerja Tahunan yang ditetapkan.
3. Mengenal pasti program-program baru serta penambahbaikan ke atas program sedia ada dengan pihak PBT luar negara yang sedia ada dari semasa ke semasa.

BAHAGIAN RANCANGAN PEMAJUAN

Unit Rancangan Pemajuan

1. Menyelaras, memberi maklumat dan input di dalam penyediaan Rancangan Struktur Negeri Selangor (RSN).
2. Menyediakan dan membuat pengubahan terhadap Rancangan Pemajuan seperti Rancangan Tempatan (RT), Rancangan Kawasan Khas (RKK) dan pelan-pelan tindakan.
3. Menyediakan Pelan Jangka Panjang 5 Tahun dan pelan pembangunan spatial yang mengandungi aspek fizikal, sosial dan alam sekitar.
4. Memberi khidmat nasihat kepada pemilik tanah / Jururancang Bandar dari segi Rancangan Pemajuan yang diluluskan.

Unit GIS

1. Menyedia dan mengemas kini peta asas digital dan maklumat guna tanah Petaling Jaya.
2. Membangun, melaksana dan mengemas kini projek PJ City GIS - aplikasi sistem maklumat.
3. Melaksanakan Sistem Pengukuran Petunjuk Mampat Malaysia (MURNInet) MBPJ.
4. Mengemas kini dan menyelenggara Laman Web Perancangan Pembangunan – PJ City Plan.

BAHAGIAN INOVASI & KHIDMAT NASIHAT PERANCANGAN

1. Menyelaras, memberi maklumat dan input dalam program Kumpulan Inovatif Kreatif (KIK) jabatan.
2. Menyelaras dan melaksanakan program “hebahan” Perancangan kepada semua kakitangan jabatan .
3. Menjalankan kajian impak keatas program-program yang dilaksanakan oleh jabatan mengikut arahan Ketua Jabatan.
4. Menghadiri dan menyelaraskan maklumat (affidavit) berkaitan kes-kes Lembaga Rayuan Negeri Selangor.
5. Menyediakan butiran maklumat untuk membantu Bahagian Perundangan dalam menyediakan “Ikatan Dokumen”.
6. Menjalankan tindakan penguatkuasaan ke atas salahguna bangunan di bawah Akta 133 Seksyen 70 (12).
7. Menjalankan tindakan penguatkuasaan ke atas salahguna tanah di bawah Akta 172.
8. Menjalankan program-program pemutihan di kawasan Majlis.
9. Mengambil tindakan ke atas isu-isu semasa berkaitan perancangan dan pembangunan.

BAHAGIAN PEMBANGUNAN MAMPAN

Unit Pembangunan Komuniti & PJKita

1. Memantau pelaksanaan dasar-dasar serta garis panduan berkaitan dengan program-program Pembangunan Komuniti.
2. Menjalankan kerja-kerja penyelidikan berkaitan isu-isu perancangan pembangunan komuniti Petaling Jaya.
3. Mengadakan sesi *teach-in*, *expert talk*, forum, rundingan meja bulat, seminar dan bengkel yang berkaitan dengan penyediaan garis panduan dan penyelidikan perancangan Pembangunan Komuniti.
4. Menyelaras, melaksanakan dan memantau pemakaian dasar dan agenda "Bandar Bebas Halangan" di dalam projek-projek pembangunan Majlis dan pihak swasta.

Unit Audit Keselamatan

1. Mengumpul, dokumentasi Laporan Keselamatan di tempat kerja serta memantau keselamatan dalam pekerjaan di kawasan pentadbiran Majlis.

BAHAGIAN PERANCANGAN PENGANGKUTAN

Unit Perancangan Lalulintas dan Pengangkutan

Kajian Perancangan Lalulintas dan Pengangkutan

1. Menyediakan pelan induk pengangkutan Petaling Jaya.
2. Membuat unjuran keperluan dan kapasiti perancangan dan pembangunan lalulintas di Petaling Jaya.
3. Menganalisis cadangan dan strategi kajian sebagai rujukan jabatan serta menyediakan Pelan Bersepadu Pengangkutan Awam.
4. Menyediakan Garis Panduan dan polisi berkaitan lalulintas dan pengangkutan.

Pembangunan dan Penyelenggaraan Model Trafik

1. Mengumpul data perancangan sedia ada dan akan datang yang merangkumi jumlah penduduk, guna tanah, permintaan perjalanan dan data trafik untuk Perancangan Pengangkutan Mikroskopik.
2. Membangun, menyelenggara dan mengemas kini Model Trafik dengan data perancangan, data trafik dan pembangunan jalan baru yang terkini.
3. Menganalisa kapasiti bagi mengenal pasti *level of service* dan *VC Ratio* rangkaian jalan sedia ada.
4. Mengkaji, menilai dan memberi ulasan terhadap cadangan pembinaan lebuh raya baru.

BAHAGIAN PERANCANGAN REKABENTUK BANDAR

Unit Projek Khas

1. Menyediakan Pelan Konsep Pembangunan Projek Khas Majlis.
2. Menyediakan Pelan Induk Rekabentuk Bandar Projek Khas Majlis.
3. Memberi khidmat nasihat dan "site supervision" semasa pelaksanaan Projek Khas Majlis (follow up project-progress).
4. Menyelaraskan projek-projek di bawah peruntukan Tabung Akaun Amanah Caj Pemajuan, Tabung Akaun Amanah Pendidikan dan Tabung Akaun Amanah Perkuburan.

Unit Pengurusan Maklumat Asas Petaling Jaya

1. Mengemas kini maklumat asas Petaling Jaya dan menguruskan permohonan maklumat daripada Jabatan, agensi luar dan perseorangan.

BAHAGIAN PENTADBIRAN

1. Menjalankan kerja-kerja pengkeranian, surat-menyurat serta penghantaran dokumen.
2. Menguruskan hal-hal berkaitan keselamatan dan kebersihan pejabat.
3. Menguruskan hal-hal berkaitan urusan mesyuarat yang dikendalikan oleh jabatan seperti tempahan bilik mesyuarat, surat jemputan dan percetakan.
4. Menguruskan segala pesanan dan bekalan serta menyelenggara peralatan pejabat.
5. Menguruskan hal berkaitan permohonan cuti, disiplin serta latihan bagi kakitangan jabatan.
6. Menyelaraskan aktiviti korporat jabatan seperti *Star Rating*, *Key Performance Indicator* (KPI), Aktiviti 5S, APPC, AKPBT, MPK, SOP dan sebagainya.

PERANCANGAN PROJEK / PROGRAM UTAMA 2017

1. Pelaksanaan *Smart City* dalam sistem pentadbiran MBPJ selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri menjadikan Petaling Jaya sebagai sebuah bandar pintar.

A) Membina sebuah pusat data yang mengawal keseluruhan pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya.



Gambaran perspektif cadangan bangunan Pusat Data Utama (PJ Smart Centre)



Gambaran ilustrasi awal kekemasan dalaman bangunan Pusat Data Utama (PJ Smart Centre)

B) Membina pusat data mini di jabatan-jabatan yang diintegrasikan dengan Pusat Data Utama yang menyokong fungsi dalam Pusat Data Utama (3 jabatan permulaan)

i) Jabatan Perancangan Pembangunan

B

PEMBINAAN "MINI COMMAND CENTRE"

1 JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN

- "Planning Dashboard"- Zen Gunaanah, 4D Modeling, Road Map
- "Transportation Dashboard"- Laluan PJ City Bus, Lokasi Bus Stop, Bus Tracking (real time), Kemudahan Bike Sharing, iparking, PJ-ITPS (Fasa 2)
- "Safe City Dashboard"- Crime Base Mapping, Safe Guard (Gated & Guarded), Alert Sistem (panic button), OSH e-learning
- "Planning Control Dashboard"- Aplikasi e-kan, Smart Telco

 GIS Mapping
  GPS
  Google Map / Satellite Image
  Pusat Perhubungan Aduan

ii) Jabatan Penguatkuasaan

2 JABATAN PENGUATKUASAAN

- PIEye - Jenayah Ragut, Samun, Curil, Vandalisme, Illegal Parking, Kemalangan, Kesalahan Lalulintas, Pembuangan Sampah Haram, Kebersihan Restoran

Nota:
PIEye - Kamera berdasarkan CCTV melalui kawasan Pusat Bandar Seksyen 52

ii. e-submission & monitoring = PKOPJ

 Kawalan 24jam / 3 syif
  "Center" perhubungan walkie talkie
  Pusat kawalan lampu isyarat
  Pusat Perhubungan Aduan

iii) Unit Aduan

3 BAHAGIAN ADUAN, UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

- Penerimaan, Pengagihan & Pelaporan Tindakan Melalui i-Map Aduan

Aduan Yang Mengandungi Maklumat Jenis Aduan, Peta Lokasi, Gambar Semasa (Real-time), Analisa Status Penyelesaian Aduan Dan Hotspot Aduan Menurut Zon

 Servis 24jam
  "Center" Perhubungan
  Pusat Perhubungan Aduan

PERANCANGAN PROJEK / PROGRAM UTAMA 2017

2. Transformasi kaedah memproses Kebenaran Merancang melalui aplikasi pintar (Smart Application)



3. Kerjasama antara Jabatan bagi projek / program khusus “JARGON”



4. Penyediaan Rancangan Tempatan Gabungan (RTPJ 1 & RTPJ 2, Rancangan Kawasan Khas KWASA LAND Serta RKK Seksyen 52, Seksyen 51, Seksyen 51A, Seksyen 19



FAEDAH

1. Mengukuhkan fungsi Pusat Bandar PJ dalam konteks Konurbasi 'Greater KL'.
2. Merancang dan membahagikan kawasan lama untuk memenuhi keperluan 'modern city living'.
3. Peluang meningkatkan persekitaran fizikal bandar termasuk pengangkutan, infrastruktur, utiliti dan kemudahan awam.
4. Peningkatan caj pemajuan dan hasil majlis bagi setiap perubahan gunatanah yang dirancang akan memberi impak kepada pembangunan infrastruktur Bandaraya Petaling Jaya.

5. *FRIENDSHIP CITY* – *Best Practices* dari negara luar, MBPJ berkongsi amalan baik ke negara luar serta menganggotai Badan/Organisasi Antarabangsa

1. PROGRAM MOU/MOA
 - MOU: Seongsok-gu (Korea), Chania (Yunan), Scandinavia
 - MOA: Bandung (Indonesia), Aeon (Korea)
2. SHARING BEST PRACTICE
 - Smart Bandung, RISHA Japan, Safe Kids Japan, Aeon Smart Environment Science Park
3. BEST PRACTICES
 - RI City Bus, RRTA, FoodBank, Community Engagement, i-Play Park, Sport & community Complex
4. AHLI PERTUBUHAN KEBANGSAAN/ANTARABANGSA
 - Sister Cities International (SCI)
 - United Cities & Local Government (UCLG)
 - CAPAM



FAEDAH

Perkongsian Amalan Baik (Best Practices) Antara Bandaraya, Mempromosi Bandaraya Petaling Jaya Dan Berkongsi Amalan Baik Bandaraya Ke Luar Negara.

PERANCANGAN PROJEK / PROGRAM UTAMA 2017

6. Penganjuran Program PJ Fair 2017 ke arah menjadikan Petaling Jaya destinasi pelancongan dalam dan luar negara



**"PJ INTERNATIONAL
FOLKLORE
FESTIVAL" 2017**



TARIKH

- OKTOBER 2017 (5 Hari)

PENYERTAAN:

- 13 NEGARA, 3 NEGERI, 13 KOMUNITI (RAJ/RT)

TEMPAT UTAMA:

- BOULEVARD SEKSYEN S2

POKOT SHOW:

- KOMPLEKS MEMBELI BELAH
- SEKOLAH
- PUSAT KOMUNITI KEBIRAHAN

AKTIVITI UTAMA:

- Silene Budaya (Homestay – Keluarga angkat)
- Persembahan Kebudayaan
- Program Komuniti (Kraf, Makanan Traditional, Sukan Rakyat)
- Format Pertandingan



FAEDAH

1. STATUS "G to G" CULTURAL PROJECT
2. PIJAIK SEBAGAI BRANDING FESTIVAL PETALING JAYA DAN MENYOKONG INDUSTRI PELANCONGAN NEGERI SELANGOR DAN MALAYSIA

7. Mendapatkan Pensijilan OHSAS 18001

A

PENSIJILAN OHSAS 18001

1. Pensijilan OHSAS 18001 (Projek Infrastruktur) – Jangkaan Pensijilan Pada September 2017
2. Sasaran ISO untuk 4 Tahun
3. Friendship City dengan OSAKA Bagi Projek SAFER PJ



FAEDAH

Persekitaran tempat kerja dan tempat tinggal yang selamat di Petaling Jaya

8. Pelaksanaan projek *Blackspot* Petaling Jaya 2017

B

PROJEK BLACKSPOT 2017

- Kawasan Perniagaan SS 2**
 - Pencalhayaan
 - Rel Penghadang (Pedestrian Railing)
 - Papan Tanda Keselamatan
 - Pengindahan Lorong Belakang
- Sri Manja Square PJS 3**
 - Pencalhayaan
 - Tempat Letak Motorikal Berkunci
 - Papan Tanda Keselamatan

Nota:

- Anggaran kos RM 1.2 juta.
- Tanpa sumbangan KPRK RM 500 ribu



FAEDAH

- Pengurangan kadar jenayah (15% setahun)
- Peningkatan rasa selamat penduduk petalingjaya melebihi 80% (Kajian 'Fear Of Crime')

9. Pelaksanaan projek/program *PJ Food On Wheel*

C

PJ FOOD ON WHEEL

Pelancaran:

- April 2017

Makanan tengahari percuma:

- Sabtu & Ahad

Kawasan:

- Desa Mentari
- Kg. Lindungan
- Taman Medan
- PPR Lembah Subang
- PPR Kota Damansara




FAEDAH

- MBPJ sebagai PBT prihatin
- Meringankan beban golongan miskin & berpendapatan rendah
- Amalan 'volunteerism' di kalangan komuniti

PERANCANGAN PROJEK/ PROGRAM UTAMA 2017

10. Membina baru, membaikpulih dan menyelenggara perteduhan bas

MEMBINA BARU, MEMBAIKPULIH DAN MENYELENGGARA PERTEDUHAN BAS		
• LAPORAN INVENTORI (MAPPING) BUS STOP WARISAN/MAJLIS. • MEMBINA BARU BUS STOP • KAJIAN PERTEDUHAN BAS SIAP • PERLANTIKAN KONTRAKTOR, • PEMANTAUAN PROJEK • KOS :RM2,050,000-LINTUK BINA BARU		
KETERANGAN	JUMLAH	
PERTEDUHAN BAS YANG PERLU DIBINA SEMULA	20	
PERTEDUHAN BAS YANG PERLU DIBAIK PULIH	30	
JUMLAH KESELURUHAN YANG PERLU DIBINA DAN DIBAIK PULIH	50	
BIL	PERKARA	KOS
1	PERTEDUHAN BAS YANG PERLU DIBINA SEMULA	RM 75,000 x 20 = RM 1,500,000
2	PEMBINAAN PERHENTIAN JENIS POLE	RM 1,000 x 40 UNIT = RM 40,000
3	PERTEDUHAN BAS YANG PERLU DIBAIK PULIH	RM10,000 x 400 UNIT = RM400,000



11. Membina laluan pejalan kaki dan basikal yang menghubungkan dengan perteduhan bas

- Penyediaan konsep dan rekabentuk (Mac)
- Proses perolehan/lantikan kontraktor (Mei)
- Pelaksanaan di tapak (Julai)
- Pelancaran (Ogos)
- Salah satu langkah mencapai penggunaan 40% pengangkutan awam

Garis panduan landskap di laluan pejalan kaki dan basikal

- Pelan Induk Pejalan Kaki dan basikal
- Prasemakan laluan pejalan kaki/basikal dalam Km
- Mapping laluan pejalan kaki/PJ City Bus/laluan rel



12. Pembinaan Sky Shade @ PJ Art Lane

Sky Shade @ PJ Art Lane			
Penerapan elemen-elemen seni mengikut konsep berdasarkan 3 lorong iaitu Lorong Kebudayaan, Lorong Tradisional, dan Lorong Modern			
TAKSIR PERALAMAN			
Fasa Perancangan	Perkara	Masa	Kos
Peringkat 1	- Kaji selidik Melayu Perancang Bandar	Mac 2017	RM 450,000.00
	- Kaji selidik Cakl Pemasukan	April 2017	
Peringkat 2	- Dokumentasi	April - Mei 2017	
Peringkat 3	- Lantikan Kontraktor	Mei - Julai 2017	
Jumlah			RM 450,000.00



13. Pembinaan Sculpture @ Sister Cities Square

Sculpture Kota Seni			
Penerapan arca (sculpture) di sekitar kawasan Pusat Bandar Seksyen 52, Petaling Jaya yang menjadi salah satu elemen seni yang menjadi konsep asas pembangunan infrastruktur Petaling Jaya			
TAKSIR PERALAMAN			
Fasa Perancangan	Perkara	Masa	Kos
Peringkat 1	- Kaji selidik Melayu Perancang Bandar	Mac 2017	RM 150,000.00
	- Kaji selidik Cakl Pemasukan	April 2017	
Peringkat 2	- Dokumentasi	Mei - Jun 2017	
Peringkat 3	- Lantikan Kontraktor	Jun - Julai 2017	
Jumlah			RM 150,000.00



PERANCANGAN PROJEK / PROGRAM UTAMA 2017

14. Pembinaan medan selera awam dan bumbung pasar pagi atas Jalan SS2/62, Petaling Jaya

Medan Selera Awam dan Bumbung Pasar Pagi Atas Jalan SS2/62, Petaling Jaya

Naiktaraf tempat selera awam
Selera Malam kepada sebuah
kawasan yang lebih baik

FASA PERLAKSANAAN			
Fasa Perancangan	Perkara	Masa	Kos
Peringkat 1	- Kelulusan Mesy. Perancang Bandar	Julai 2015	Kos Perunding RM 1,091,565.00
	- Kelulusan Caj Pemajuan	Ogos 2015	Kos Pembinaan RM 7,700,000.00
Peringkat 2	- Lantikan Perunding - Jualan Dokumentasi	Nov 2016 – April 2017	
Peringkat 3	- Lantikan Kontraktor - Pembinaan	Mei 2017 – Jun 2018	
JUMLAH			RM 8,791,565.00



15. Pembinaan pasar dan medan selera awam @ Bandar Sri Damansara, Petaling Jaya

Pembangunan Pasar dan Medan Selera Awam @ Bandar Sri Damansara, PJ

Mewujudkan satu pembangunan medan selera yang baru untuk kemudahan awam penduduk sekitar

FASA PERLAKSANAAN			
Fasa Perancangan	Perkara	Masa	Kos
Peringkat 1	- Kelulusan Mesy Perancang Bandar - Kelulusan Caj Pemajuan	Ogos 2016 -	Kos Perunding RM 750,000.00 Kos Pembinaan RM 4,500,000.00
Peringkat 2	- Lantikan Perunding - Jualan Dokumentasi	Nov 2016 – April 2017	
Peringkat 3	- Lantikan Kontraktor - Pembinaan	Mei 2017 – Jun 2018	
JUMLAH			RM 5,250,000.00



PERANCANGAN PROJEK / PROGRAM UTAMA 2017

16. Pembinaan medan selera di sebahagian tanah kerajaan Kg. Lindungan PJS 6

Pembangunan Medan Selera di Sebahagian Tanah Kerajaan Kg Lindungan PJS 6

Mewujudkan satu pembangunan medan selera yang baru untuk kemudahan awam penduduk sekitar

FASA PERLAKSANAAN			
<u>Fasa Perancangan</u>	<u>Perkara</u>	<u>Masa</u>	<u>Kos</u>
<u>Peringkat 1</u>	- <u>Kelulusan Mesy. Perancang Bandar</u> - <u>Kelulusan Caj Pemajuan</u>	<u>Ogos 2016</u>	<u>Kos Perunding</u> RM 610,000.00
<u>Peringkat 2</u>	- <u>Lantikan Perunding</u> - <u>Jualan Dokumentasi</u>	<u>Nov 2016 – April 2017</u>	<u>Kos Pembinaan</u> RM 3,600,000.00
<u>Peringkat 3</u>	- <u>Lantikan Kontraktor</u> - <u>Pembinaan</u>	<u>Mei 2017 – Jun 2018</u>	
JUMLAH			RM 4,210,000.00



17. Pembinaan medan selera di Kg. Kayu Ara

Pembangunan Medan Selera di Kg Kayu Ara

Mewujudkan satu pembangunan medan selera yang baru untuk kemudahan awam penduduk sekitar

FASA PERLAKSANAAN			
Fasa Perancangan	Perkara	Masa	Kos
Peringkat 1	- Kelulusan Mesy. Perancang Bandar - Kelulusan Caj Pemajuan	Jun 2015 Ogos 2015	Kos Perunding RM 572,094.00 Kos Pembinaan RM 4,000,000.00
Peringkat 2	- Lantikan Perunding - Jualan Dokumentasi	Dis 2016 – April 2017	
Peringkat 3	- Lantikan Kontraktor - Pembinaan	Mei 2017 – Jun 2018	
JUMLAH			RM 4,572,094.00




PERANCANGAN PROJEK / PROGRAM UTAMA 2017

18. Naik taraf kemudahan dan infrastruktur di sekolah-sekolah Petaling Jaya (Sekolah Abad 21)


Naiktaraf Kemudahan dan Infrastruktur di Sekolah-Sekolah Petaling Jaya (Sekolah Abad 21)

- Menaiktaraf dan Membaikpulih Kelas (Kerja-Kerja Pengubahsuaian dan Membekal Peralatan Elektrik)
- Menaiktaraf Bengkel Pertanian kepada Surau (Kerja-Kerja Pengubahsuaian dan Membekal Peralatan Elektrik serta Perabot) di SMK Bandar Sri Damansara 2, PJU 9
- Menaiktaraf Pusat Sumber dan Bilik Guru (Kerja-Kerja Pengubahsuaian dan Membekal Peralatan Elektrik) di SMK Dato' Harun PJS 2
- Membekal dan Memasang Penghawa Dingin Dewan SMK (P) Sri Aman
- Menggantung Pagar Sekolah SRA Kg. Medan, PJS 2C/11
- Menaiktaraf Tapak Perhimpunan (Kerja-kerja Pemasangan Bumbung dan Jubin Lantai)





JABATAN
KEJURUTE



ERAAN

BAHAGIAN ASET

Unit ini berfungsi untuk mengurus pelaksanaan projek-projek bangunan dan kemudahan awam dilaksanakan dengan sistematik dan efisien. Selain itu juga, unit ini menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan di bangunan Ibu Pejabat dan pejabat cawangan Majlis, dewan-dewan sukan, balai raya dan dewan orang ramai, Dewan Sivik, gerai dan kawasan penjaja.

Unit aset dibahagi kepada dua iaitu Unit Aset Pembangunan dan Unit Aset Penyelenggaraan dan fungsi unit-unit ini adalah seperti berikut:

Unit Aset Pembangunan

Menyediakan program serta peruntukan bagi melaksanakan projek-projek pembangunan serta penyelenggaraan yang berkaitan dengan bangunan Majlis.

- i) Menyediakan reka bentuk, data, pelan dan dokumen tender dan sebut harga bagi Unit Pembangunan Aset.
- ii) Mengurus, memantau dan menyelia projek-projek yang dilaksanakan oleh pihak kontraktor yang terlibat mengikut program Unit ini di bawah peruntukan Majlis, Ahli Dewan Negeri (ADUN), Ahli Majlis, Negeri serta Kerajaan Persekutuan.
- iii) Pengurusan kewangan, pengurusan kontrak kerja serta pelepasan bon pelaksanaan.

Unit Aset Penyelenggaraan

- i) Menyediakan program serta peruntukan bagi melaksanakan projek-projek pembangunan serta penyelenggaraan yang berkaitan dengan bangunan Majlis.
- ii) Menyenggara semua bangunan Majlis sama ada melalui kontraktor dilantik mahupun oleh kakitangan Unit ini.
- iii) Memberikan perkhidmatan sokongan logistik bagi keperluan acara/majlis yang dilaksanakan oleh Majlis, NGO dan orang perseorangan.
- iv) Pengurusan kewangan, pengurusan kontrak kerja serta pelepasan bon pelaksanaan.

Senarai Projek Tahun 2017

Bil.	Nama Projek / Lokasi	Kos Sebenar (RM)
1.	CADANGAN KERJA-KERJA MEMBINA 18 UNIT KIOSK BARU (12ft x 12 ft) DI PJS 8, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA, PETALING JAYA, SELANGOR	152,947.40
2.	CADANGAN KERJA-KERJA MENGUBAHSUAI TANDAS STADIUM PETALING JAYA DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI JALAN SS7/15 PETALING JAYA	385,000.00
3.	CADANGAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN TAHUNAN BAGI DEWAN DAN BALAIRAYA MBPJ (ZON A) DI SEKITAR PETALING JAYA BAGI TEMPOH 1 TAHUN + 1 TAHUN	400,000.00
4.	CADANGAN KERJA-KERJA MEMBINA DAN MEMASANG 2 KIOSK SERTA SEGALA AKSESORI KELENGKAPAN YANG BERKAITAN DI SEKITAR PLAZA MENARA MBPJ BAGI TETUAN MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA (TAWARAN SEMULA)	85,000.00
5.	CADANGAN KERJA-KERJA MEROBOH & MEMBINA BARU GERAJ 20/16 SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.	410,790.00
6.	CADANGAN MENAIKTARAF PASAR SEKSYEN 17 SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN UNTUK MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA, SELANGOR.	357,135.00
7.	CADANGAN MENURAP SEMULA TAPAK PASAR PAGI DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI KAWASAN LAPANG BERDEKATAN JALAN SS 8/39, PETALING JAYA	119,912.00
8.	CADANGAN MENAIKTARAF BUMBUNG GERAJ SELERA WAWASAN SS 3/33 SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA	401,100.00
9.	CADANGAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN TAHUNAN BAGI PUSAT PENTADBIRAN DAN KEMUDAHAN AWAM MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA (ZON B) DI SEKITAR PETALING JAYA BAGI TEMPOH 1 TAHUN + 1 TAHUN	200,000.00
10.	CADANGAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN TAHUNAN BAGI TANAH PERKUBURAN DI SEKITAR PETALING JAYA BAGI TEMPOH 1 TAHUN + 1 TAHUN	800,000.00

Senarai Projek Tahun 2017

Bil.	Nama Projek / Lokasi	Kos Sebenar (RM)
11.	CADANGAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN TAHUNAN BAGI DEWAN DAN BALAIRAYA MBPJ (ZON B) DI SEKITAR PETALING JAYA BAGI TEMPOH 1 TAHUN + 1 TAHUN	300,000.00
12.	CADANGAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN TAHUNAN BAGI TANDAS AWAM MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA DI SEKITAR PETALING JAYA BAGI TEMPOH 1 TAHUN + 1 TAHUN	300,000.00
13.	CADANGAN KERJA-KERJA MENGUBAHSUAI RUANG KOSONG BAGI PEMBINAAN PERPUSTAKAAN KOMUNITI CAWANGAN BANDAR UTAMA DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI DEWAN BU 3, JALAN 3/1, PETALING JAYA	423,332.00
14.	CADANGAN KERJA-KERJA MENAIKTARAF PAGAR DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI DEWAN BANDAR UTAMA 3, JALAN B.U 3/1, BANDAR UTAMA, PETALING JAYA	341,096.20
15.	CADANGAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN TAHUNAN BAGI GERAI MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA (ZON A) DI SEKITAR PETALING JAYA BAGI TEMPOH 1 TAHUN + 1 TAHUN	300,000.00
